

## Program myezycover.com manfaat 1.6 juta penjawat awam

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Julai 1, 2022 @ 11:03am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - Foto fail BERNAMA

PUTRAJAYA: Program Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia myezycover.com yang dilancarkan hari ini akan memanfaatkan 1.6 juta penjawat awam termasuk bertaraf kontrak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penjawat awam tetap dan bertaraf kontrak layak memohon skim pembiayaan itu dengan syarat, nisbah hutang tidak melebihi 60 peratus daripada jumlah pendapatan bulanan.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju program itu turut diperluaskan kepada kakitangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sektor swasta dalam masa terdekat.

Katanya, program seumpama itu yang pertama kali dilaksanakan untuk penjawat awam secara digital dalam talian akan bercirikan seperti berikut;

- Kemudahan pembaharuan polisi insurans kenderaan dan cukai jalan melalui pembiayaan tanpa faedah atau sifar peratus.
- Penjawat awam boleh memperbaharui insurans kenderaan dan cukai jalan tanpa apa-apa bayaran pendahuluan.
- Bayaran balik pembiayaan secara ansuran sehingga 10 bulan, melalui Skim Potongan Gaji ANGKASA (SPGA).
- Penjawat awam boleh memperbaharui insurans kenderaan di hujung jari dengan 'Mudah, Jimat dan Pantas'. Nota Perlindungan Insurans diperoleh hanya dalam tempoh lima minit.
- Pembiayaan ini berlandaskan konsep patuh syariah Qardhul Hasan, yang merupakan pinjaman tidak membabitkan faedah atau unsur riba.

Ismail Sabri berkata, dengan pelbagai manfaat yang ditawarkan, penjawat awam boleh mengambil perlindungan tambahan yang lebih komprehensif untuk kenderaan masing-masing.

"Ini bagi memastikan kenderaan dan penumpang berupaya dilindungi daripada kemalangan, serta bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya," katanya berucap pada majlis pelancaran program itu di sini hari ini.